


BILANGAN 13 SEMUA



Pihak keluarga mengucapkan ribuan terima kasih kepada **semua** saudara mara dan sahabat handai di atas sumbangan dan kehadiran mereka sehingga jenazahnya selamat dikebumikan.

Saudara mara merupakan kata ganda berentak. Jadi, perkataan tersebut hendaklah menggunakan tanda sempang bagi menandakannya sebagai kata ganda.

Sahabat handai pula bukan kata ganda. Jadi, perkataan tersebut tidak perlu menggunakan sempang sepertimana dalam petikan.

Oleh sebab saudara-mara dan sahabat handai sudah bermaksud jamak, maka perkataan "semua" tidak perlu digunakan. "Semua" ialah sejenis kata bilangan yang menandakan jamak juga.

Jadi petikan tersebut seharusnya ditulis:

- 01 Pihak keluarga mengucapkan ribuan terima kasih kepada saudara mara dan sahabat handai

Ayat lain:

- 02 Semua guru-guru yang belum mengikuti kursus tersebut dikehendaki mendaftarkan diri. (seharusnya semua guru atau sekadar guru-guru sahaja).
- 03 Semua penuntut-penuntut yang bermasalah telah ditemu ramah oleh kaunselor itu.